

**Penggunaan Bahan Bercetak dalam
Melaksanakan Tugasan Akademik di
Kalangan Pelajar di UiTM Kampus Puncak
Perdana**

OLEH:

**SAHIDAWATI IZIWN BT MOHD SAHLAN
2004677806**

NOVEMBER 2006

PENGHARGAAN

Sepanjang menyelesaikan projek ini, saya menghadapi pelbagai kesukaran dan cabaran. Proses pencarian maklumat bagi kajian ini telah memberikan cabaran yang hebat yang pernah saya alami selama saya sebagai seorang pelajar. Tolak ansur, kesabaran dan segala penat lelah memberikan pengalaman yang hebat untuk beusaha keras dalam projek saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada orang perseorangan yang telah membantu dalam menjayakan kajian ini.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih saya kepada penyelia kajian saya yang saya hormati Puan Dang Merduwati Hashim, bagi tunjuk ajar beliau dan sokongan semasa melakukan laporan ini. Penghargaan saya juga kepada sesiapa yang telah membantu sepanjang proses kajian ini. Segala bantuan dan sokongan daripada anda amat saya hargai.

Penghargaan yang tidak terhingga juga kepada keluarga saya yang memahami dan menyokong saya. Untuk ibubapa saya , terima kasih diucapkan untuk kasih sayang dan sokongan daripada kalian tidak di liupakan juga rakan-rakan saya yang telah membantu.

Terima kasih.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

i

BAB 1: PENGENALAN

1-7

- 1.1 Pernyataan masalah
- 1.2 Objektif kajian
- 1.3 Hipotesis
- 1.4 Kerangka berdasarkan teori
- 1.5 Skop dan limitasi

BAB 2: ULASAN KESUSASTERAAN

BAB 3: METODOLOGI

10-14

- 3.1 Pengawasan literature
- 3.2 Borang soal selidik
- 3.3 Populasi
- 3.4 Contoh dan percontohan
- 3.5 Kedah penumpulan data
- 3.6 Analisis

BAB 4: PEROLEHAN DATA DAN ANALISIS

15-43

- 4.1 Analisis data
- 4.2 Kecenderungan am

BAB 5: PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN**44-49**

5.1 Perbincangan

5.2 Cadangan

5.3 Rumusan

SUMBER RUJUKAN**50****LAMPIRAN**

BAB 1: PENGENALAN

Bahan bercetak adalah sumber utama di perpustakaan akademik. Penggunaan bahan bercetak dalam pembelajaran secara tradisional telah digunakan sebagai cara untuk mengawal penggunaan perpustakaan akademik yang tinggi kos sumbernya. Dengan adanya akses dalam rangkaian bagi mendapatkan informasi, kebanyakan perpustakaan akademik menawarkan kedua-dua sumber bercetak dan bukan bercetak bagi membantu pelajar melakukan kerja kursus. Pelbagai faktor termasuk kos, keselesaan dan masa mempengaruhi keputusan pelajar untuk menggunakan bahan bercetak.

Secara amnya, koleksi bahan bercetak yang terdapat di perpustakaan adalah terdiri daripada kerja bahan rujukan, buku, bahan bersiri, surat khabar, artikel daripada jurnal dan ianya terdiri daripada pelbagai cabang ilmu. Penggunaan bahan bercetak juga mempunyai kebaikan dan keburukan daripadanya. Kelebihan menggunakan bahan bercetak adalah:

- Mudah alih
- bahan bercetak boleh digunakan dimana sahaja dan pada bila-bila masa sahaja
- Tahap keselesaan yang tinggi
- kebanyakan pelajar amat selesa menggunakan bahan bercetak untuk mendapatkan maklumat.
- Menjimatkan kos
- bahan bercetak dapat dicipta dan duplikasi dengan kos yang rendah dan para pelajar tidak perlu membeli buku tersebut yang mungkin menelan belanja yang tinggi.

Keburukan menggunakan bahan bercetak adalah:

- Tiada element audio/visual
- Bahan bercetak adalah static dan tidak appropriate untuk konsep visual.
- Memerlukan kemahiran membaca
- Jika pelajar tiada kemahiran membaca dan bahasa yang diperlukan, bahan bercetak tidak begitu membantu.
- Pembaziran masa
- Ia mengambil masa berhari-hiri atau berminggu-minggu bagi mencari maklumat pada bahan bercetak.